July 2017

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

74th ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR

Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR

Roselind Wee
CHIEF EDITOR (ENGLISH)

Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Aiza Johari
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Azlina Ghazali
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR (BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)

Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)

Ardiana Mazwa Raudah Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)

Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)

Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER

Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

Malam Apresiasi Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Sesi bergambar bersama pelajar FPA

Meja tetamu kehormat

Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik Kokurikulum

Program terakhir yang telah dianjurkan oleh persatuan D'Planters pada semester lepas adalah Malam Apresiasi Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi yang telah berlangsung pada 26 Februari 2017, jam 7.00 hingga 11.00 malam di Kingwood Resort Mukah. Objektif utama program ini adalah untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Ladang yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir semester yang lepas. Tiga anugerah khas telah disampaikan iaitu Anugerah Pelajar Terbaik Akademik, Anugerah Pelajar Terbaik Kokurikulum dan Anugerah Pelajar Berpotensi Cemerlang. Di samping itu, program ini juga merupakan majlis perpisahan bagi pelajar semester 5 yang bakal menjalani latihan industri dan menamatkan pelajaran. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Encik Mohamad Musa bin Bohari dan turut dihadiri oleh staf UiTM Mukah.

Sukan Terbuka D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Karnival Sukan Terbuka D'Planters merupakan program ketiga persatuan D'Planters yang dianjurkan oleh pelajar semester dua program Diploma Pengurusan Ladang. Karnival yang turut melibatkan pelajar dari Politeknik Mukah ini telah julung kalinya diadakan di kampus ini dan telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 11 dan 12 Februari 2017 di Padang Futsal dan Tenis UiTM Kampus Mukah. Antara objektif karnival ini adalah untuk menggalakkan para pelajar untuk bergiat aktif dalam sukan di samping memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai prosedur penganjuran sesuatu aktiviti. Karnival ini telah dirasmikan oleh Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah, Tuan Haji Khalik bin Haji Ibrahim dan telah ditangguhkan oleh Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Encik Mohamad Musa bin Bohari. Karnival ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kedua-dua institusi dengan penyertaan melebihi 200 orang peserta. Antara sukan yang telah dianjurkan adalah jogathon, bola tampar, bola beracun dan futsal.

Sesi bergambar bersama para peserta sukan

Simbolik perasmian karnival sukan terbuka

Pelepasan acara jogathon oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian Sains dan Teknologi

Lawatan Mesra Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak

Oleh: Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah menerima kunjungan daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Kuching Sarawak pada 24 Februari 2017 yang lalu. Kunjungan ini bertujuan untuk melengkapkan program diskusi MPP Politeknik Kuching Sarawak bersama MPP UiTM Sarawak.

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my